

BUDAYA PENYELIDIKAN DALAM KALANGAN PENSYARAH IPG: SATU PERBANDINGAN

Anita binti Abu Hasan
Ros Eliana binti Ahmad Zuki
Md Daud bin Md Jani
Ngau Chai Hong
Santhanamary R. Anthony
Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim
arrissa71@gmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan adalah berkaitan dengan pengembangan, kemajuan serta inovasi dalam usaha menghasilkan pendidikan yang berkualiti serta mampu bersaing di peringkat dunia. Kepentingan melakukan penyelidikan dapat dilihat apabila kerajaan memperuntukkan RM1.3 b kepada sektor pendidikan dalam usaha memperkasakan budaya penyelidikan di peringkat IPT. Justeru itu kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan pensyarah ipg di peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri, zon dan ipg bagi tahun 2020 dan 2021, perbezaan budaya penyelidikan pensyarah ipg antara tahun 2020 dengan 2021 serta dominan budaya penyelidikan pensyarah ipg antara tahun 2020 dengan 2021. Responden kajian terdiri daripada 124 orang pensyarah dari pelbagai khusus di peringkat ipg. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik yang telah diedarkan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 26. Statistik deskriptif dilakukan seperti bilangan dan peratus. Dapatan kajian, mendapati bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg di semua peringkat bagi tahun 2020 dengan 2021 adalah meningkat kecuali di peringkat zon dan ipg. Perbandingan bilangan dan peratus budaya penyelidikan pensyarah bagi tahun 2020 adalah tinggi berbanding tahun dengan 2021. Dapatan kajian juga menunjukkan peringkat dominan budaya penyelidikan pensyarah adalah di peringkat ipg. Implikasi kajian membawa kepada sumbangan maklumat terhadap budaya penyelidikan pensyarah IPG dalam membudayakan penyelidikan di Malaysia.

Kata kunci: Budaya penyelidikan, pensyarah, IPG

PENGENALAN

Penyelidikan adalah berkaitan dengan pengembangan, kemajuan serta inovasi dalam usaha menghasilkan pendidikan yang berkualiti serta mampu bersaing di peringkat dunia. Penyelidikan merupakan satu proses mencari pengetahuan baharu berkaitan dengan manusia, alam dan sebagainya. Penyelidikan merupakan aktiviti pencarian kebenaran secara ilmiah. Penyelidikan juga bersifat penerokaan, penjelasan dan pengelasan, penetapan berkaitan atau pernyataan sebab dan akibat.

Pengetahuan dan kemahiran dalam melakukan penyelidikan merupakan salah satu unsur pembangunan profesionalisme pensyarah dalam meningkatkan kualiti pensyarah. Malah di Malaysia pelaksanaan penyelidikan menjadi salah satu pengukur prestasi kerjaya individu ahli akademik selain daripada menjalankan sesi kuliah; menyelia projek pelajar; pentadbiran dan khidmat komuniti. Kepentingan melakukan penyelidikan ini dapat dilihat apabila kerajaan telah memperuntukkan RM1.3 b kepada sektor pendidikan dalam usaha memperkasakan budaya penyelidikan di peringkat IPTA (Berita Harian 2014). Budaya penyelidikan di institusi pengajian tinggi sememangnya telah memberi impak yang besar terutama dari aspek sumber kewangan, lebih dikenali dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Sehubungan dengan itu budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah amat digalakkan agar pensyarah dapat menghasilkan karya ilmiah yang bermutu dan boleh dipersembahkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

PERNYATAAN MASALAH

Menurut Normah (2014), pengetahuan dan kemahiran dalam penyelidikan merupakan salah satu unsur pembangunan profesionalisme pensyarah yang dapat meningkatkan kualiti pensyarah. Walau bagaimanapun terdapat faktor-faktor yang menyebabkan para pensyarah kurang berminat menjalankan penyelidikan antaranya berkaitan dengan sikap, pemikiran dan perilaku pensyarah, prasarana, beban tugas dan juga faktor masa (Marina et al. 2020). Budaya melakukan penyelidikan dalam kalangan pensyarah kurang dilakukan kerana segelintir pensyarah yang kurang mengambil berat berkaitan dengan kepentingan melakukan penyelidikan dalam meningkatkan kualiti profesionalisme mereka (Jamil 2016). Sikap pensyarah ini telah menghadkan proses peningkatan profesionalisme mereka dalam penyelidikan.

Kurangnya inisiatif pihak organisasi dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pensyarah tentang penyelidikan juga merupakan faktor yang mempengaruhi pensyarah melakukan penyelidikan. Kebanyakan aktiviti yang dirancang dalam peningkatan profesionalisme pensyarah kurang

menyentuh kursus-kursus penyelidikan. Malah kesukaran pensyarah untuk mengakses hasil penyelidikan kerana hasil penulisan tidak dikumpulkan di dalam satu pengkalan yang mudah didapati dan adakalanya hasil penulisan yang telah dijilidkan tidak dipulangkan kembali oleh individu yang meminjamnya (Shaliza et.al 2018).

Isu kesediaan serta kurang pengalaman pensyarah dalam mengendalikan projek penyelidikan juga antara penyebab kepada wujudnya jurang untuk bersaing di peringkat yang tinggi (Ismail 2010). Keupayaan dan kemahiran serta pengetahuan pensyarah dalam penyelidikan perlu ditingkatkan kerana melalui penyelidikan satu ilmu baru atau pengetahuan dapat dihasilkan.

TINJAUAN PERPUSTAKAAN

Kajian Marina et al. (2020) “Persepsi Pensyarah terhadap Faktor Penglibatan dalam Menjalankan Penyelidikan”. Faktor penglibatan dikategorikan kepada lima faktor iaitu beban tugas, infrastruktur, kemahiran, pengetahuan dan sumber kewangan. Hasil kajian mendapati bahawa persepsi pensyarah terhadap faktor penglibatan menjalankan penyelidikan berada pada tahap tinggi.

Kajian Abdullah & Salleh (2004) “Faktor-faktor yang Memberi Implikasi terhadap Penglibatan Pensyarah dalam Penyelidikan” mendapati pensyarah kurang berminat menjalankan penyelidikan atas sebab dua faktor iaitu faktor dalaman yang meliputi sikap, pemikiran dan perilaku pensyarah. Faktor luaran pula melibatkan faktor prasarana, beban tugas dan faktor masa. Faktor dalaman mempunyai implikasi yang lebih besar dalam mempengaruhi kelembapan aktiviti penyelidikan. Manakala kajian Shaliza et. al (2018) “Kecenderungan Menjalankan Penyelidikan di Kalangan Pensyarah Kolej Komuniti Selandar, Melaka” mendapati terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pensyarah melakukan penyelidikan seperti beban tugas, kemudahan penyelidikan, pengetahuan, sokongan pihak pengurusan tertinggi dan pakar rujuk termasuk pelaksanaan bengkel penyelidikan secara terpandu iaitu mengikut proses dan secara berkumpulan bagi menambahbaik kualiti penyelidikan.

Kajian Yuhanis (2015) “Pengetahuan, Sikap dan Kesedaran Pensyarah dalam Pengamalan Penyelidikan di Politeknik Premier” menunjukkan pengetahuan, sikap dan kesedaran pensyarah dalam pengamalan penyelidikan berada pada tahap yang tinggi dan tiada perbezaan yang signifikan terhadap pengamalan penyelidikan dalam kalangan pensyarah antara jabatan kejuruteraan dengan jabatan bukan kejuruteraan di Politeknik Premier. Kajian Normah (2014) “Isu-isu yang dihadapi dalam Pelaksanaan Penyelidikan dan Pembangunan (R & D) di Politeknik

Merlimau dan Kaedah untuk Mengatasinya” mendapati sikap pensyarah, kekangan masa dan pengetahuan penyelidikan yang cetek, kurangnya peruntukan, tidak berupaya mempengaruhi atau mengawal aspek-aspek seperti kurikulum kursus, persekitaran dan organisasi khususnya institusi dan hanya dilakukan apabila ada arahan pihak atasan termasuk tiadanya sokongan daripada pihak pengurusan menyebabkan pensyarah beranggapan penyelidikan adalah satu proses usaha yang sia-sia.

Kajian Halif et. al. (2012) “Pengetahuan, Amalan dan Kesedaran Penyelidikan dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn” mendapati ketiga-tiga aspek yang dikaji iaitu pengetahuan, amalan dan kesedaran pensyarah terhadap penyelidikan berada pada tahap yang tinggi manakala tidak ada perbezaan yang signifikan terhadap pengetahuan, amalan dan kesedaran pensyarah mengikut kelulusan akademik dan ikhtisas mereka dalam melakukan penyelidikan. Walau bagaimana terdapat hubungan yang signifikan antara amalan penyelidikan pensyarah dengan kesedaran tentang kepentingan penyelidikan. Kajian Zuria dan Abd. Razak (2011) “Kepercayaan Terhadap Kebolehan Diri Menjalankan Penyelidikan di Kalangan Pensyarah UiTM Pahang” menunjukkan bahawa seseorang yang mempunyai tahap keyakinan yang tinggi terhadap kebolehan diri akan menyumbang kepada komitmen terhadap kerjaya dan sebaliknya.

Kajian Norhapizah dan Ruziana (2009) “Membudayakan Penyelidikan, Penulisan dan Inovasi: Satu Keperluan Transformasi Pensyarah Baru” mendapati yang program My Brain15 merupakan inisiatif kerajaan dalam usaha meningkatkan penciptaan dan inovasi yang berfokuskan kepada penggunaan konsep 5W iaitu 'What', 'Why', 'Who', 'When' dan 'Where'. Program ini dijalankan untuk menanam minat membudayakan penyelidikan dalam kalangan pensyarah baru Tuntasnya isu amalan penyelidikan dalam kalangan pensyarah ini bukanlah sesuatu yang baru kerana peranan kerja seorang pensyarah akan melibatkan tiga perkara yang utama iaitu pengajaran, penyelidikan dan juga kerja-kerja pentadbiran.

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus kajian dilakukan untuk meninjau dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg khususnya dalam :

- i. Menenalpasti perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri, zon dan ipg.

- ii. Mengenalpasti perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg antara tahun 2020 dengan 2021.
- iii. Mengenalpasti peringkat yang dominan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg.

Persoalan Kajian

- i. Adakah terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat antarabangsa.
- ii. Adakah terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat kebangsaan.
- iii. Adakah terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat negeri.
- iv. Adakah terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat zon.
- v. Adakah terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat ipg
- vi. Adakah terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg antara tahun 2020 dengan 2021
- vii. Adakah terdapat perbezaan terhadap dominan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg antara tahun 2020 dengan 2021

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pengedaran borang soal selidik berkaitan penghasilan penyelidikan dalam kalangan pensyarah di ipg dari pelbagai khusus.

Analisis dan Perbincangan

Dapatan keseluruhan menunjukkan secara umumnya perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg di peringkat antarabangsa bagi tahun 2020 dengan 2021. Perincian akan dibincangkan dalam bahagian berikut:

- i. Adakah terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat antarabangsa.

Dapatan keseluruhan bagi perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat antarabangsa adalah seperti Jadual 1.1 di bawah:

Jadual 1.1 Perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat antarabangsa.

| Bil | Peringkat | Tahun 2020 | | Tahun 2021 | |
|-----|--------------|------------|---------|------------|---------|
| | | Bil | Peratus | Bil | Peratus |
| | Antarabangsa | 8 | 6.4 | 32 | 32.6 |

Terdapat perbezaan dari aspek bilangan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah IPGKTI di peringkat antarabangsa. iaitu bagi tahun 2020 hanya 8 (6.4%) buah kajian penyelidikan berbanding pada tahun 2021 iaitu sebanyak 32 (32.6%) buah kajian penyelidikan. Peningkatan bilangan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah di peringkat antarabangsa pada tahun 2021 adalah kerana adanya penganjuran persidangan antarabangsa secara bersama antara pihak IPGM dengan pihak kampus IPGKTI iaitu *5th International Conference On Teacher Learning And Development 2021* yang diadakan pada 3-5 Ogos 2021 (Lihat Lampiran 1). Di sini jelas menunjukkan yang komitmen pihak pengurusan sememangnya telah berjaya meningkatkan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah IPGKTI. Dapatan ini menyokong hasil kajian Shaliza et. al (2018) yang mendapati usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak pengurusan kolej komuniti telah menggalakkan lebih ramai pensyarah mereka melakukan penyelidikan.

Pelaksanaan program di bawah Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi (JPPi) IPGKTI seperti Wacana Ilmu berkaitan dengan '*Statistik SPSS*' dalam penyelidikan pada 25-26 Feb 2020 juga mempengaruhi penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah pada tahun 2021. Dapatan ini menyokong kajian Norhapizah dan Ruziana (2009) yang mendapati pelaksanaan bengkel-bengkel seperti program "My Brain 15" merupakan salah satu inisiatif kerajaan yang berfokus kepada amalan penggunaan konsep 5W iaitu 'What', 'Why', 'Who', 'When' dan

'Where' adalah antara usaha kerajaan menanam minat pensyarah baru dalam aktiviti penyelidikan.

ii. Adakah terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat kebangsaan.

Dapatan keseluruhan bagi perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat kebangsaan adalah seperti Jadual 1.2 di bawah:

Jadual 1.2 Perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat kebangsaan.

| Bil | Peringkat | Tahun 2020 | | Tahun 2021 | |
|-----|------------|------------|---------|------------|---------|
| | | Bil | Peratus | Bil | Peratus |
| | Kebangsaan | 13 | 10.4 | 39 | 39.7 |

Bilangan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah di peringkat kebangsaan bagi tahun 2020 hanya 13 (10.4%) buah kajian berbanding pada tahun 2021 adalah sebanyak 39 (39.7%) buah kajian. Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat kebangsaan. Terdapat peningkatan penghasilan penyelidikan disebabkan oleh pendedahan bengkel yang diadakan oleh pihak IPGM pada 20 Oktober 2021 (Ruj.Kami:KPM.600-2/2/61 JLD () iaitu 'Bengkel Bimbingan Penulisan Laporan Kajian Kualitatif dan Artikel Jurnal Berimpak Tinggi" yang melibatkan peserta dari semua ipg di Malaysia (Lihat Lampiran 2). Kajian Shaliza et. al (2018), juga mendapati sokongan pihak pengurusan tertinggi seperti pelaksanaan bengkel penyelidikan secara terpandu iaitu mengikut proses dan secara berkumpulan telah menambahbaik kualiti penyelidikan pensyarah.

iii. Adakah terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat negeri.

Dapatan keseluruhan bagi perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat negeri adalah seperti Jadual 1.3 di bawah :

Jadual 1.3 Perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat negeri.

| Bil | Peringkat | Tahun 2020 | | Tahun 2021 | |
|-----|-----------|------------|---------|------------|---------|
| | | Bil | Peratus | Bil | Peratus |
| | Negeri | 0 | 0 | 1 | 1.02 |

Tiada penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah di peringkat negeri bagi tahun 2020 berbanding pada tahun 2021 yang menampakkan penghasilan 1 (1.02%) buah kajian. Terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat negeri. Walaupun peningkatan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah berlaku di peringkat negeri dalam bilangan yang kecil jumlahnya kerana pensyarah lebih tertumpu kepada penulisan penyelidikan di peringkat antrabangsa dan kebangsaan.

- iv. Adakah terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat zon.

Dapatan keseluruhan bagi perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat zon adalah seperti Jadual 1.4 di bawah:

Jadual 1.4 Perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat zon.

| Bil | Peringkat | Tahun 2020 | | Tahun 2021 | |
|-----|-----------|------------|---------|------------|---------|
| | | Bil | Peratus | Bil | Peratus |
| | Zon | 4 | 3.22 | 2 | 2.04 |

Secara keseluruhannya, bilangan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah di peringkat zon bagi tahun 2020 adalah 4 (3.22%) buah kajian berbanding pada tahun 2021 hanya sebanyak 2 (2.04%) buah kajian. Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat zon. Walaupun

berlaku penurunan bilangan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah di peringkat zon namun masih ada penulisan yang berkaitan dengan penyelidikan dilakukan oleh para pensyarah terutama di peringkat antarabangsa dan kebangsaan.

- v. Adakah terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah IPG bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat IPG.

Dapatan keseluruhan bagi perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat IPG adalah seperti Jadual 1.5 di bawah:

Jadual 1.5 Perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah IPG bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat IPG

| Bil | Peringkat | Tahun 2020 | | Tahun 2021 | |
|-----|-----------|------------|---------|------------|---------|
| | | Bil | Peratus | Bil | Peratus |
| | IPG | 99 | 79.8 | 24 | 24.4 |

Bilangan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah IPGKTI di peringkat IPG bagi tahun 2020 adalah 99 (79.8%) buah kajian berbanding pada tahun 2021 adalah sebanyak 24 (24.4%) buah kajian. Terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah bagi tahun 2020 berbanding pada tahun 2021. Peningkatan penghasilan penulisan penyelidikan pada tahun 2020 adalah kesan daripada pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan inovasi di bawah program "Inisiatif #112 : Pemerkasaan Institut Pendidikan Guru Kampus bagi tahun 2020". Malah peruntukan dana di bawah waran OS 29000 melalui program ini kepada semua Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) (Ruj.Kami: KPM.400-2/1/9 Jld.16 (14) bertarikh : 17 September 2020 (Lihat Lampiran 3) bagi melaksanakan aktiviti penyelidikan dan inovasi ini juga telah mempengaruhi peningkatan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah. Kenyataan ini menyokong kajian (Sarif et al. 2017) yang mendapati faktor penglibatan penyelidikan pensyarah juga dikaitkan dengan peruntukan dan pembiayaan kewangan penyelidikan oleh institusi. Hal ini adalah kerana keperluan kewangan dalam penyelidikan sangatlah penting dan sangat mempengaruhi kecenderungan para pensyarah untuk membuat penyelidikan. Pelantikan Kumpulan Penyelidikan dan Pasukan Inovasi IPG

Kampus Temenggong Ibrahim, Johor di bawah Inisiatif #112: Pemerksaan Institut Pendidikan Guru Kampus bagi tahun 2020 (Ruj.Kami: IPGKTIJB.600/52 Jld. 12 (23) bertarikh : 01 Julai 2020 (Lihat Lampiran 4), telah memudahkan pelaksanaan penyelidikan dan seterusnya meningkatkan lagi penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah pada tahun 2020 berbanding tahun 2021.

- v. Adakah terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah IPGKTI antara tahun 2020 dengan 2021.

Dapatan keseluruhan bagi perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah IPGKTI antara tahun 2020 dengan 2021 adalah seperti Jadual 1.6 di bawah.

Jadual 1.6 Perbandingan peratus dan bilangan budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah IPGKTI antara tahun 2020 dengan 2021

| Bil | Peringkat | Tahun 2020 | | Tahun 2021 | |
|-----|---------------------|------------|---------|------------|---------|
| | | Bil | Peratus | Bil | Peratus |
| | Budaya penyelidikan | 124 | 96.1 | 98 | 76.5 |

Bilangan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah di peringkat IPG bagi tahun 2020 adalah 124 (96.1%) buah kajian manakala pada tahun 2021 adalah sebanyak 98 (76.5%) buah kajian. Terdapat perbezaan dari aspek peratus dan bilangan budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah IPGKTI antara tahun 2020 dengan 2021. Penurunan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah pada tahun 2021 adalah akibat dari Pandemik Covid 19 yang membawa kepada pelaksanaan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) yang telah membatasi pensyarah melakukan penyelidikan.

- vi. Adakah terdapat perbezaan terhadap dominan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah IPG antara tahun 2020 dengan 2021.

Dapatan keseluruhan terhadap dominan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg antara tahun 2020 dengan 2021 adalah seperti Jadual 1.7 di bawah :

Jadual 1.7 Perbezaan terhadap dominan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah ipg antara tahun 2020 dengan 2021

| Bil | Peringkat | Tahun 2020 | | Tahun 2021 | |
|-----|--------------|------------|---------|------------|---------|
| | | Bil | Peratus | Bil | Peratus |
| 1 | Antarabangsa | 8 | 6.4 | 32 | 32.6 |
| 2 | Kebangsaan | 13 | 10.4 | 39 | 39.7 |
| 3 | Negeri | 0 | 0 | 1 | 1.02 |
| 4 | Zon | 4 | 3.22 | 2 | 2.04 |
| 5. | IPG | 99 | 79.8 | 24 | 24.4 |

Pensyarah banyak terlibat dalam penghasilan penulisan penyelidikan dalam di peringkat ipg dalam tempoh dua tahun bermula tahun 2020 iaitu 99 (79.8%) buah kajian manakala pada tahun 2021 adalah sebanyak 24 (24.4%) buah kajian. Dominan pensyarah dalam melakukan penulisan dalam penyelidikan di peringkat ipg adalah disebabkan pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan inovasi di bawah program "Inisiatif #112 : Pemerkasaan Institut Pendidikan Guru Kampus bagi tahun 2020".Peruntukan dana di bawah waran OS 29000 melalui program ini (Ruj.Kami: KPM.400-2/1/9 Jld.16 (14) bertarikh : 17 September 2020 (Lihat Lampiran 3) kepada semua Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) bagi melaksanakan aktiviti penyelidikan dan inovasi ini telah mempengaruhi peningkatan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah. Malah pelantikan Kumpulan Penyelidikan dan Pasukan Inovasi IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor di bawah Insiatif #112: Pemerkasaan Institut Pendidikan Guru Kampus bagi tahun 2020 (Ruj.Kami: IPGKTIJB.600/52 Jld. 12 (23) bertarikh : 01 Julai 2020 (Ruj.Kami: KPM.400-2/1/9 Jld.16 (14) bertarikh : 17 September 2020 (Lihat Lampiran 4) telah memudahkan pelaksanaan penyelidikan dan seterusnya meningkatkan lagi penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah.

KESIMPULAN

Penyelidikan adalah berkaitan dengan pengembangan, kemajuan dan serta inovasi dalam pendidikan bagi menghasilkan pendidikan yang berkualiti serta mampu bersaing di peringkat dunia. Institusi yang berjaya menjalankan penyelidikan yang berkualiti dan sentiasa konsisten menjalankannya akan menaikkan nama institusi tersebut sehingga ke peringkat antarabangsa dan menjadikan institusi tersebut sebagai institusi penyelidikan. Sehubungan dengan itu aktiviti penyelidikan seharusnya dijadikan budaya kerja dalam kalangan pensyarah bagi meningkatkan kualiti kerja mereka.

RUJUKAN

- Abdullah dan Salleh, (2004), 'Kajian tentang Faktor-faktor yang Memberi Implikasi Terhadap Penglibatan Pensyarah Akademik Pengajian Bahasa', Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor.
- Berita Harian Online, daripada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara <http://www.mohe.gov.my/portal/images/utama/penerbitan/psptn.pdf>
- Halif Md Saleh, Faridah Mohd Sopah, Salbihana Samsudin, Ahmad Shukri Ahmad dan Seow Sieu Kian (2012) "Pengetahuan, Amalan dan Kesedaran Penyelidikan Dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn
- Ismail, Z. (2010), Faktor-Faktor Kritikal Kejayaan Terhadap Pelaksanaan Program Transformasi Penyelidikan Dan Pembangunan Dalam Sistem Pengajian Politeknik Di Malaysia. Di capai daripada: <http://zullism.blogspot.com/2010/05/faktor-faktor-kritikal>
- Jamil, L., Kannan, B., dan Mahayuddin, Z. (2016), "Sikap-sikap Pensyarah Jabatan Ilmu Pendidikan Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh Terhadap Penyelidikan Dan Statistik", *Institut Pendidikan Guru, Kampus Ipoh*, pp. 56.
- Kementerian Pengajian Tinggi, (2007).
- Sarif, S. A., Mahmod, N. L. dan Kamaruddin, N. A. (2017), "Kecenderungan Menjalankan Penyelidikan Di Kalangan Pensyarah Kolej Komuniti Selangor, Melaka", e Proceeding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition(iCompEx'17).

- Shaliza Amira binti Sarif, Nurul Liyana binti Mahmud & Nuraishahtul Akmar binti Kamaruddin (2018), "Kecenderungan Menjalankan Penyelidikan di Kalangan Pensyarah Kolej Komuniti Selandar, Melaka. e Proceeding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17).
- Marina Muhammad Razaki, Linamalini Mat Nafi & Khairulnazrin Nasir (2020), "Persepsi Pensyarah Terhadap Penyelidikan: Satu Kajian di Kias, Kuis dan UniSHAMS Lecturer's Perceptions Towards Research: A Study in Kias, Kuis and UniSHAMS, Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic College, Kota Bharu, Kelantan
- Naimah Abdullah dan Umminajah Salleh (2004), 'Kajian tentang faktor-faktor yang memberi implikasi terhadap penglibatan pensyarah Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor, <https://vdocuments.net/ccontoh-kajian-thesispdf.html>
- Norhapizah binti Mohd Burhan dan Ruziana Mohamed (2009) *"Membudayakan penyelidikan, penulisan dan inovasi: satu keperluan transformasi pensyarah baru"* Universiti Teknologi MARA, Pahang
- Normah Jantan (2014), "Isu-Isu Yang Dihadapi Dalam Pelaksanaan Penyelidikan Dan Pembangunan (R & D) Di Politeknik Merlimau Dan Kaedah Untuk Mengatasinya", Politeknik Merlimau Melaka
- Yuhanis binti Hassan (2015) Pengetahuan, sikap dan kesedaran pensyarah dalam pengamalan penyelidikan di politeknik premier. Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional UTHM.
- Zuria Alanal Saad dan Haji Abd. Razak Said (2011) "Kepercayaan Terhadap Kebolehan Diri Menjalankan Penyelidikan Di Kalangan Pensyarah UiTM Pahang", Konferensi Akademik.